

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MEMTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN PERTUNJUKAN MAHA PADA 29 JULAI,
1965

Tuan Yang di-Pertua, Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Menteri-menteri Tuan-tuan dan Puan-puan:

Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua¹ dan Ahli-ahli Jawatankuasa MAHA kerana sudi menjemput saya hadir di sini pada petang ini dan juga di atas kehormatan yang diberi kepada saya untuk mengisytiharkan pembukaan Pertunjukan MAHA pada tahun 1965.

Saya mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, Naib Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa MAHA dan juga pembantu-pembantunya adalah orang-orang yang telah dengan sukarelanya mengorbankan masa dan tenaga untuk mengadakan dan menyediakan Pertunjukan MAHA pada tiap-tiap tahun. Saya tahu tuan-tuan semua ada mempunyai pekerjaan yang banyak pada tiap-tiap hari dan saya sangat menjunjung tinggi dan mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan semua di atas usaha yang tuan-tuan tunjukkan bagi mengorbankan masa mengadakan Pertunjukan MAHA yang begitu besar faedahnya kepada penduduk-penduduk negara ini dan juga kepada kemajuan negara kita.

Pada tiap-tiap tahun kita telah biasa melihat Pertunjukan MAHA yang bertujuan bagi membawa kampung ke bandar untuk menunjukkan perusahaan-perusahaan dan kehidupan di kampung-kampung dan luar bandar itu adalah mustahak kepada penduduk-penduduk di bandar dan juga kepada negara kita. Kemajuan negara kita ini masih bergantung kepada perusahaan-perusahaan tanah, dengan itu mustahaklah kita menunjukkan kepada semua bahawa perusahaan-perusahaan yang dijalankan di serata daerah negara kita ini dan di luar bandar adalah mustahak. Jikalau keadaan di luar bandar itu maju, perniagaan perniagaan di bandar pun turut maju. Begitu juga perusahaan-perusahaan di bandar pun mustahak bagi kemajuan negara kita.

Sebagai seorang Menteri dan Ahli Kerajaan, saya sentiasa bangga bila saya lihat Kerajaan telah berjaya melaksanakan sesuatu pekerjaan atau perusahaan dan berjaya mencapai tujuan dan cita-cita Kerajaan. Akan tetapi lebih daripada itu, saya fikir, sangat besar kejayaannya jika kejayaan itu disebabkan oleh perkhidmatan sukarela yang diberikan oleh anak-anak negeri sendiri.

¹Dato Jamil Rais

Begitu juga saya berasa lebih bangga lagi melihat caranya tuan-tuan pada hari ini telah berjaya menyediakan dan mengelolakan MAHA ini dengan usaha dan tenaga sendiri dan inilah semangat yang sangat mustahak kita tanam dalam hati semua penduduk di negara kita ini supaya mereka itu dapat menjalankan usaha dan tenaga dengan kekuatan dan kuasa sendiri dan tidak bergantung kepada pertolongan daripada Kerajaan.

Inilah semangat yang akan menjadikan Malaysia ini suatu negara yang kuat dan maju yang boleh berdiri di atas kakinya sendiri, yang mempunyai penduduk-penduduk daripada orang-orang yang boleh berfikir, boleh bekerja dan boleh berkhidmat dengan bersungguh-sungguh. Oleh yang demikian kepada tuan-tuan dan puan-puan yang datang hendak melihat beberapa barang-barang yang elok dalam pertunjukan ini, ada satu lagi, pada fikiran saya, pertunjukan yang tersorok iaitu suatu benda yang tak nampak di mana-mana tempat dalam kawasan pertunjukan ini iaitu semangat perkhidmatan sukarela yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa dan juga pekerja-pekerja di MAHA ini kepada negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan, teladan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa MAHA ini dan Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat ditiru oleh tiap-tiap orang daripada apa juga peringkat di negara kita Malaysia ini pada ketika negara kita sedang menghadapi pencerobohan dari luar dan pada masa kita terpaksa menumpukan tenaga kita kepada pertahanan negara kita. Dalam keadaan yang semacam ini, dalam masa kita sambil menghadapi keadaan darurat, kita terpaksa juga meneruskan rancangan-rancangan kemajuan negara kita. Kerajaan berkehendakkan tiap-tiap seorang rakyat negeri ini bukan sahaja menjalankan tugas masing-masing pada tiap-tiap hari bahkan mengadakan usaha yang lebih daripada biasa. Apa yang saya kehendaki ialah kita Malaysia ini suatu negara yang kecil yang mempunyai isi negeri hanya 10 juta orang dan kita sekarang sedang diancam oleh Presiden Soekarno yang hendak menghancurkan negara kita. Kita adalah diancam oleh suatu negara yang mempunyai penduduk lebih kurang 100 juta orang. Ada perbezaan besar antara 10 juta dengan 100 juta orang, akan tetapi kita dapat mengadakan usaha dan tenaga yang sama juga dengan 100 juta orang jikalau kita rakyat Malaysia yang 10 juta,- tiap-tiap orang bekerja dan mengeluarkan usaha dan tenaga 10 kali ganda daripada yang kita biasa jalankan tiap-tiap hari, Jadi 10 x 10 juta ini akan menjadi sama dengan pekerjaan yang dibuat oleh 100 juta orang. Pada fikiran saya tidak ada jalan dan tidak ada sebab yang kita pada masa kecemasan semacam ini tidak boleh berazam hendak bekerja 10 kali ganda daripada biasa dan menumpukan masa lapang kita kepada pekerjaan-pekerjaan yang mustahak untuk negara kita.

Pada fikiran saya kalaulah boleh Pertunjukan ini dibuka bukan oleh saya sendiri bahkan oleh Presiden Soekarno dan Jawatankuasa-Jawatankuasanya. boleh mengisytiharkan pembukaan Pertunjukan MAHA ini, Presiden Soekarno tentu dapat mengetahui sendiri bahawa kemajuan-kemajuan yang ditunjukkan dalam Pertunjukan ini bukanlah tanda suatu negara yang diancam ataupun suatu negara yang tidak lama lagi akan hancur. Bahkan Pertunjukan ini adalah menerangkan dengan nyata bahawa Malaysia ini suatu negara yang tetap hidup, maju dalam semua lapangan dan dari suatu masa ke satu masa ada beberapa kejayaan yang besar yang tercapai dalam usaha-usaha hendak meninggikan taraf hidup rakyat di seluruh Malaysia. Kejayaan di Pertunjukan ini adalah menerangkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk Sabah dan Sarawak memberi kerjasama yang penuh untuk menjayakan Pertunjukan ini. Dukacita saya hanya suatu negeri yang tidak mengambil bahagian dalam Pertunjukan ini iaitu Singapura.

Pertunjukan MAHA ini seperti tuan-tuan dan puan-puan ketahui ialah dengan tujuan hendak menunjukkan kemajuan negara kita dalam lapangan iktisad dan tanaman dan pada tahun ini tajuk Pertunjukan ini ialah Menuju Ke arah Kemakmuran Luar Bandar Yang Lebih Besar atau 'Towards Greater Rural Prosperity'. Oleh itu Pertunjukan-pertunjukan dalam MAHA ini terhad kepada barang-barang tanaman dan barang-barang yang dikeluarkan dari kawasan-kawasan luar bandar. Akan tetapi patutlah kita ingat juga bahawa bersama-sama dengan Pertunjukan MAHA ini ada satu lagi pertunjukan yang dianjurkan di Kuala Lumpur ini oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan iaitu Pertunjukan Barang-Barang Yang Diperbuat Di Malaysia. Oleh itu kedua-dua pertunjukan ini menunjukkan kemajuan negara kita dalam semua lapangan. Kedua-dua pertunjukan ini dapat menerangkan tujuan dan hasrat Kerajaan yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Pertama Malaysia yang sekarang ini disediakan dan akan dilancarkan pada awal tahun hadapan. Dalam Rancangan Lima Tahun kita yang kedua, kita telah mendapat kehasilan dan kejayaan yang sangat memuaskan hati, akan tetapi kita yakin dan percaya pada masa melancarkan Rancangan Kemajuan Pertama Malaysia yang mempunyai tujuan iaitu hendak menjalankan kemajuan-kemajuan di luar bandar dan membelah-bahagikan hasil bumi, dan satu lagi ialah hendak menambah dan meluaskan lagi pembinaan kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan. Ini bermakna penduduk-penduduk negara kita baik di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar akan bersama-sama mendapat faedah daripada pembangunan negara kita.

Saya yakin dan percaya dengan sokongan yang penuh daripada semua golongan rakyat jelata negeri ini dan dengan menggunakan cara-cara pelaksanaan yang kita telah jalankan pada masa yang lalu dengan mendapat kehasilan yang memuaskan hati, saya yakin dan percaya

Rancangan Kemajuan Pertama Malaysia ini akan memberi kehasilan-kehasilan lebih daripada yang kita anggapkan dan akan membawa rakyat negeri kita ini kepada taraf hidup yang lebih tinggi dan cara hidup yang lebih baik dan lebih sempurna. Dasar kebangsaan kita ialah bukan semata-mata hendak menambah mata pencarian rakyat sebagai tujuan yang utama akan tetapi kita berkehendakkan juga memperbaiki cara hidup rakyat, melanjutkan dasar demokrasi, perasaan saling mengerti di antara bangsa-bangsa di negeri ini dan perasaan fahaman yang baik di antara penduduk-penduduk di negara kita. Oleh yang demikian, tuan-tuan dan puan-puan, saya ucapkan Pertunjukan MAHA Tahun 1965 ini selamat maju dan MAHA akan bertambah maju dan pertunjukan-pertunjukan akan bertambah banyak dari setahun ke setahun. Saya berdoa bahawa pada tahun ini Pertunjukan MAHA ini tidaklah tergendala oleh sebab cuaca yang tidak baik dan saya berharap beribu-ribu orang akan dapat menyahut seruan tuan-tuan semua 'Mari Kita Berjumpa di MAHA'. Dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan Pertunjukan MAHA ini.